

TARIKH	8 / 5 / 2015	SEKSYEN	Niaga
MUKA SURAT	51	RUANGAN	

Pembelian tanah untuk pembangunan menara kediaman

Tabung Haji labur RM188.5j di TRX

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) menjelaskan bahawa ia telah membuat pelaburan bagi pembangunan menara kediaman di pusat keuangan Tun Razak Exchange (TRX) dekat sini.

Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Johan Abdulla (gambar kecil) menerusi satu kenyataan berkata, TH tidak membeli Signature Tower (Fasa 2) di lokasi sama seperti yang dilaporkan



PELABURAN Tabung Haji di TRX dijangka memberi pulangan positif kepada kumpulan tersebut pada masa depan.

sebuah blog baru-baru ini.

Pada Selasa lalu, sebuah blog telah menerbitkan dokumen-dokumen yang didakwa menunjukkan pembelian dua plot tanah di TRX pada harga yang tidak munasabah daripada 1Malaysia

Development Bhd. (1MDB) yang kini menanggung beban hutang yang tinggi.

Menurut laporan berkenaan, TH telah membuat pembelian yang melibatkan RM194 juta atau pada harga RM2,860 setiap

kaki persegi dan RM578 juta (RM3,900 setiap kaki persegi) bagi plot tanah kedua.

"Kebooran maklumat melalui kertas cadangan tidak boleh dijadikan sebagai bultti keputusan muktamad pelaburan tersebut,"

kata Johan di sini semalam.

Johan memaklumkan bahawa TH telah membuat pelaburan hartaanah di TRX sebanyak RM188.5 juta pada kadar diskaun berlandaskan nilai semasa dan telah dinilai oleh sebuah badan penilaian bebas profesional. "Langkah ini sejajar dengan strategi pelaburan hartaanah TH yang memberi tumpuan terhadap sektor domestik.

"Pelaburan ini merupakan keputusan komersial yang menepati selera risiko dan telah melalui semua proses penilaian dalaman yang terperinci" tegas beliau.

Katanya, cadangan pembangunan kediaman tersebut akan dibangunkan oleh anak syarikat TH, TH Properties Sdn. Bhd., yang dijangka memberi pulangan positif kepada kumpulan pada masa depan.